



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 52  
No. 16

**31hb Julai 2008**

*TAMBAHAN No. 81  
PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 258.**

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PEMBERIAN  
PERKHIDMATAN SEJAGAT) (PINDAAN) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan subseksyen 202(2) dan 204(2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) (Pindaan) 2008**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 [*P.U. (A) 419/2002*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dalam takrif “hasil kasar”, dengan menggantikan perkataan “diterima” dengan perkataan “belum diterima”;

- 
- (b) dalam takrif “kadar penembusan nasional” dengan memasukkan selepas perkataan “penembusan” perkataan “RTBA”;
- (c) dalam takrif “kawasan”, dengan memasukkan selepas perkataan “Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965]” perkataan “dan termasuk gabungan daerah atau sebahagian dari suatu daerah”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “hasil kasar” takrif yang berikut:
- ‘ “kadar penembusan jalur lebar nasional” ertinya peratusan jumlah keseluruhan pelanggan jalur lebar di Malaysia dibahagikan dengan jumlah keseluruhan penduduk yang diunjurkan berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan;’;
- (e) dengan menggantikan takrif “kawasan yang kurang liputan perkhidmatan” dengan takrif yang berikut:
- ‘ “kawasan yang kurang liputan perkhidmatan” ertinya—
- (a) berhubung dengan perkhidmatan RTBA, mana-mana kawasan yang kadar penembusan untuk pelanggan RTBA di Malaysia ialah dua puluh peratus di bawah kadar penembusan RTBA nasional atau yang perkhidmatan RTBA tidak disediakan secukupnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 3A;
- (b) berhubung dengan perkhidmatan capaian jalur lebar, mana-mana kawasan yang kadar penembusan untuk pelanggan jalur lebar di Malaysia ialah di bawah kadar penembusan jalur lebar nasional atau yang perkhidmatan capaian jalur lebar tidak disediakan secukupnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 3A; atau
- (c) berhubung dengan perkhidmatan telefoni bersel awam, mana-mana kawasan dengan kepadatan penduduk seramai lapan puluh orang setiap satu kilometer persegi atau kurang atau jika perkhidmatan telefoni bersel awam tidak disediakan secukupnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 3A;’;
- (f) dalam takrif “kos PPS bersih”, dengan menggantikan perkataan “peraturan 12” dengan perkataan “peraturan 12 dan 20A”;
- (g) dalam takrif “pemberi perkhidmatan sejagat”, dengan menggantikan perkataan “peraturan 9 atau 10” dengan perkataan “peraturan 9, 10 atau 36F”;
- (h) dalam takrif “perkhidmatan capaian Internet”, dengan memotong perkataan “bersama dengan sama ada sambungan dail atau sambungan terus”;

- (i) dengan memasukkan selepas takrif “perkhidmatan capaian Internet” takrif yang berikut:
- “perkhidmatan capaian jalur lebar” ertinya pemberian capaian Internet kepada pengguna akhir pada kelajuan minimum yang dinyatakan dalam perenggan 5(2)(ba) dan perenggan 36c(2(c));’;
- (j) dengan menggantikan takrif “perkhidmatan telefoni asas” dengan takrif yang berikut:
- “perkhidmatan telefoni asas” ertinya suatu perkhidmatan aplikasi bagi penghantaran suara atau suara dan data komunikasi, dan tidak termasuk Internet;’; dan
- (k) dalam takrif “rancangan perkhidmatan sejagat”, dengan memasukkan selepas perkataan “peraturan 6” perkataan “atau 36c, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

### **Pindaan peraturan 3**

#### **3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—**

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:
- “(a) pemasangan kemudahan rangkaian dan juga pemberian perkhidmatan rangkaian; dan
- (b) pemberian perkhidmatan aplikasi untuk—
- (i) menyediakan capaian kolektif kepada perkhidmatan telefoni asas dan perkhidmatan capaian Internet; dan
- (ii) menyediakan capaian individu kepada perkhidmatan telefoni asas dan perkhidmatan capaian Internet.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2), subperaturan yang berikut:
- “(3) Suruhanjaya boleh menggabungkan mana-mana kawasan yang kurang liputan perkhidmatan atau bahagian dalam sesuatu kawasan yang kurang liputan perkhidmatan untuk pemberian kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi bagi memenuhi objektif pemberian perkhidmatan sejagat.
- (4) Bagi maksud subperaturan 3(3), kawasan yang kurang liputan perkhidmatan ertinya mana-mana kawasan yang pada pendapat Suruhanjaya tidak disediakan secukupnya kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi, kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian.”.

**Peraturan baru 3A**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 3 peraturan yang berikut:

**“Suruhanjaya boleh memutuskan**

3A. Suruhanjaya boleh memutuskan sama ada perkhidmatan RTBA, perkhidmatan capaian jalur lebar atau perkhidmatan telefoni bersel awam disediakan secukupnya di dalam sesuatu kawasan berdasarkan apa-apa kriteria yang diputuskan oleh Suruhanjaya.”.

**Pindaan peraturan 5**

5. Subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut—

“(ba) jika berkenaan, kelajuan minimum untuk perkhidmatan capaian jalur lebar sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya;”;

(b) dalam perenggan (g), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:

“(ga) butir-butir tentang ciri-ciri kelayakan yang mesti dipenuhi oleh pemegang lesen sebelum boleh mendaftarkan minat untuk menjadi pemberi perkhidmatan sejagat yang dinamakan bagi sasaran perkhidmatan sejagat; dan”.

**Pindaan peraturan 6**

6. Subperaturan 6(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (f), dengan menggantikan perkataan “; dan” dengan perkataan “; jika berkenaan; dan”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(fa) perkiraan untuk perkongsian kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian dengan pemegang lesen yang lain, jika ada; dan”.

**Pindaan peraturan 12**

7. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan baru yang berikut:

“(3) Walau apa pun apa-apa bayaran yang dibuat di bawah subperaturan (1), pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan hendaklah mematuhi peraturan 20.”.

**Pindaan peraturan 16**

## 8. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

## (a) dalam subperaturan (6)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan tidak boleh mengalihkan apa-apa infrastruktur dan peralatan terpasang dalam sasaran perkhidmatan sejagat melainkan jika diberitahu selainnya oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan 7A; dan”;

## (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (7) subperaturan yang berikut:

“(7A) Pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang dibatalkan di bawah subperaturan (1), hendaklah menurut pemberitahuan bertulis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya, mengalihkan infrastruktur dan peralatan yang terpasang dari sasaran perkhidmatan sejagat atau menyerahkan infrastruktur dan peralatan terpasang dalam sasaran perkhidmatan sejagat kepada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7B) Mana-mana pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang tidak mematuhi perenggan 6(a) dan 6(aa) dan subperaturan (7A) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.”; dan

## (c) dengan menggantikan subperaturan (8) dengan subperaturan yang berikut:

“(8) Pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang dibatalkan di bawah subperaturan (1) tidak boleh dibayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan sebagaimana yang dinyatakan dalam rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan melainkan jika pemberi perkhidmatan sejagat itu telah membayar balik kepada Suruhanjaya—

- (a) wang yang terlebih dibayar di bawah peraturan 21A;
- (b) apa-apa pembayaran yang kena dibayar di bawah perenggan 6(b);
- (c) semua kos yang dilakukan dalam memulihkan perkhidmatan dalam sasaran perkhidmatan sejagat; dan
- (d) apa-apa kos lain yang telah dilakukan oleh Suruhanjaya.”.

**Pindaan peraturan 19**

9. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “bayaran pendahuluan yang dibuat menurut peraturan 12” dengan perkataan “bayaran yang dibuat menurut peraturan 12 dan 20A”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2), subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika Suruhanjaya menyatakan dalam pelawaan di bawah subperaturan 5(2) bahawa hanya kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian dikehendaki supaya disediakan, pembayaran akan dikira sebagai kos boleh elak mengikut Jadual Susunan AA ditolak dengan apa-apa bayaran yang telah dibuat di bawah peraturan 12.”; dan

(c) dengan menggantikan subperaturan (6) dengan subperaturan yang berikut:

“(6) Suatu sasaran perkhidmatan sejagat hendaklah dikeluarkan dari senarai sasaran perkhidmatan sejagat apabila—

(a) tiada kos PPS bersih yang boleh dituntut dari sasaran perkhidmatan itu oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan untuk tiga tahun berturut-turut; atau

(b) kawasan itu bukan lagi kawasan yang kurang liputan perkhidmatan sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2.”.

**Pindaan peraturan 20**

10. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pemberi” dengan perkataan “Walau apa pun apa-apa bayaran dibuat di bawah peraturan 12 atau 20A, pemberi”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana pemberi perkhidmatan sejagat yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.”.

**Peraturan baru 20A**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 20 peraturan yang berikut:

**“Pembayaran bagi kos modal atau perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan**

20A. (1) Suruhanjaya boleh membuat pembayaran setiap suku tahun kepada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan bagi kos modal atau

perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan bagi pemberian perkhidmatan sejagat, dengan syarat bahawa pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan itu telah menyerahkan permohonan bertulis baginya—

- (a) suku pertama tahunan yang berakhir pada 31 Mac pada atau sebelum 30 April tahun kalendar yang sama;
- (b) suku kedua tahunan yang berakhir pada 30 Jun pada atau sebelum 31 Julai tahun kalendar yang sama;
- (c) suku ketiga tahunan yang berakhir 30 September pada atau sebelum 31 Oktober tahun kalendar yang sama; atau
- (d) suku keempat tahunan yang berakhir 31 Disember pada atau sebelum 31 Januari tahun kalendar yang berikutnya.

(2) Walau apa pun apa-apa permohonan atau pembayaran yang telah dibuat di bawah subperaturan (1), pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan hendaklah mematuhi peraturan 20.”.

#### **Peraturan baru 21A**

12. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 21 peraturan yang berikut:

##### **“Obligasi untuk memulangkan**

21A. (1) Suruhanjaya boleh mengeluarkan notis bertulis kepada mana-mana pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang telah menerima apa-apa pembayaran di bawah peraturan 12 atau 20A atau kedua-duanya yang melebihi kos dalam melaksanakan rancangan perkhidmatan sejagat yang telah diluluskan di dalam suatu sasaran perkhidmatan sejagat bagi suatu tahun kalendar untuk memulangkan wang yang terlebih dibayar itu pada atau sebelum apa-apa tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang tidak mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan (1), melakukan satu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.”.

#### **Pindaan peraturan 24**

13. Subperaturan 24(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan ‘pendahuluan’; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “peraturan 12” perkataan “dan 20A”.

#### **Pindaan peraturan 25**

14. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
  - “(c) apa-apa wang yang terlebih dibayar yang diterima di bawah peraturan 21A.”.

### **Pindaan peraturan 26**

15. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam perenggan (a) dengan menggantikan perkataan “dan 24” dengan perkataan “, 20A, 24 dan 36J”.

### **Pindaan peraturan 29**

16. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “30 April” dengan perkataan “30 Jun”;
- (b) dalam subperaturan (2)—
  - (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);
  - (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan perkataan “dan”; dan
  - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
    - (c) membuat suatu perisytiharan yang memperakukan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan terbaik pemegang lesen itu penyata itu memberikan gambaran yang tepat dan adil mengenai hal ehwal pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai pemegang lesen itu bagi tempoh yang berakhir pada 31 Disember tahun sebelum itu.”; dan
- (c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:
  - “(3) Penyata di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—
    - (a) suatu perisytiharan oleh juruaudit luar berlesen yang dilantik oleh pemegang lesen yang memperakukan bahawa—
      - (i) beliau telah diberi capaian yang mencukupi kepada rekod pemegang lesen bagi membolehkan mengaudit penyata itu;
      - (ii) beliau telah mengaudit penyata itu; dan
      - (iii) menurut pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, bahawa penyata itu telah dibuat berasaskan kepada standard perakaunan yang terpakai di Malaysia dan memberikan gambaran yang tepat dan adil

mengenai hal ehwal pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai pemegang lesen bagi tempoh yang berakhir pada 31 Disember tahun sebelum itu; dan

- (b) apa-apa maklumat lain yang difikirkan sesuai oleh juruaudit luar berlesen yang disebut dalam perenggan (a).”

## **Bahagian Baru VI**

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian VI, Bahagian yang berikut:

### **BAHAGIAN VIA**

#### **PENYUMBANG UTAMA**

##### **Penyumbang utama**

36A. Bagi maksud Bahagian ini, penyumbang utama ertinya mana-mana pemegang lesen yang sumbangannya kepada Kumpulan Wang PPS bagi tahun kalendar sebelumnya di bawah peraturan 27 melebihi dua puluh juta ringgit atau apa-apa jumlah lain yang diputuskan oleh Menteri.

##### **Kadar sumbangan yang boleh digunakan untuk pemberian perkhidmatan sejagat**

36B. (1) Mana-mana penyumbang utama adalah dibenarkan untuk menggunakan sehingga lima puluh peratus, atau apa-apa peratusan yang diputuskan oleh Menteri dari sumbangannya dalam sesuatu tahun kalendar bagi maksud menampung kos modal untuk memberikan perkhidmatan sejagat.

(2) Tiada pembayaran bagi perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan boleh dibuat bagi pemberian perkhidmatan sejagat di bawah Bahagian ini.

##### **Obligasi penyumbang utama untuk mengemukakan draf rancangan perkhidmatan sejagat**

36C. (1) Mana-mana penyumbang utama yang ingin menggunakan sumbangannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 36B hendaklah mengemukakan draf rancangan perkhidmatan sejagat pada atau sebelum 30 September bagi setiap tahun kalendar.

(2) Draf rancangan perkhidmatan sejagat di bawah subperaturan 36C(1) hendaklah dikemukakan secara bertulis berserta maklumat yang berikut:

- (a) butiran terperinci lokasi dalam sasaran perkhidmatan sejagat, tempat yang baginya rancangan perkhidmatan sejagat itu terpakai;

- 
- (b) butiran terperinci tentang kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi yang akan disediakan di dalam sasaran perkhidmatan sejagat;
  - (c) di mana yang berkenaan, kelajuan minimum untuk perkhidmatan capaian jalur lebar sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya;
  - (d) butiran terperinci teknologi yang akan digunakan berkenaan dengan sasaran perkhidmatan sejagat;
  - (e) jadual untuk melaksanakan rancangan perkhidmatan sejagat;
  - (f) kos modal bagi pemasangan kemudahan rangkaian atau pemberian perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di dalam sasaran perkhidmatan sejagat;
  - (g) perkiraan untuk perkongsian kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian dengan pemegang lesen yang lain, jika ada; dan
  - (h) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Jika mana-mana penyumbang utama gagal untuk mengemukakan draf rancangan perkhidmatan sejagat mengikut subperaturan (1) dan (2), Bahagian ini tidak terpakai bagi sumbangannya di bawah peraturan 36B.

**Perkara yang perlu diberi pertimbangan bagi meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat**

36D. (1) Suruhanjaya dalam memutuskan draf rancangan perkhidmatan sejagat di bawah peraturan 36E hendaklah menimbangkan perkara-perkara yang berikut:

- (a) sama ada draf rancangan perkhidmatan sejagat itu meliputi perkara yang diminta di bawah subperaturan 36C(2);
- (b) sama ada draf rancangan perkhidmatan sejagat itu adalah efisien dan boleh dilaksanakan dari segi ekonomi;
- (c) sama ada draf rancangan perkhidmatan sejagat itu boleh dilaksanakan secara progresif di dalam seluruh kawasan sasaran perkhidmatan sejagat dalam tempoh yang di anggap munasabah oleh Suruhanjaya;
- (d) sama ada draf rancangan perkhidmatan sejagat itu akan menyumbang kepada objektif pemberian perkhidmatan sejagat; dan
- (e) apa-apa perkara lain yang difikirkan berkaitan oleh Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa sebelum meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat, meminta penyumbang utama untuk memberikan apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah mempertimbangkan maklumat lanjut sedemikian atau dokumen lain yang diberikan oleh penyumbang utama sebelum meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat itu.

**Kuasa Suruhanjaya ke atas draf rancangan perkhidmatan sejagat**

36E. (1) Suruhanjaya, boleh setelah menimbangkan draf rancangan perkhidmatan sejagat yang dikemukakan oleh mana-mana penyumbang utama—

- (a) meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat itu tanpa pindaan;
- (b) meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat itu dengan pindaan; atau
- (c) menolak draf rancangan perkhidmatan sejagat.

(2) Bagi maksud mempertimbangkan draf rancangan perkhidmatan sejagat di bawah perenggan (1)(a) atau (b), Suruhanjaya boleh melalui notis secara bertulis, mengarahkan penyumbang utama untuk memberikan apa-apa bagi maklumat lanjut dan membuat apa-apa perubahan kepada draf rancangan perkhidmatan sejagat.

(3) Draf rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan di bawah perenggan 1(a) atau 1(b) hendaklah menjadi rancangan perkhidmatan sejagat diluluskan bagi maksud perlaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat.

**Pemberitahuan kelulusan draf rancangan perkhidmatan sejagat dan penamaan penyumbang utama sebagai pemberi perkhidmatan sejagat**

36F. (1) Jika Suruhanjaya meluluskan draf rancangan perkhidmatan sejagat menurut perenggan 36E(1)(a) atau (b), Suruhanjaya hendaklah memberitahu penyumbang utama secara bertulis mengenai keputusannya dan hendaklah menamakan penyumbang utama itu sebagai pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan bagi sasaran perkhidmatan sejagat itu.

(2) Pemberitahuan dan penamaan di bawah subperaturan (1) hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) tarikh permulaan bagi pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan itu;
- (b) rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan itu termasuklah kos dan perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang PPS;
- (c) jadual bagi pembayaran dan jadual bagi menyiapkan segala kerja;
- (d) tarikh bagi menyiapkan segala kerja bagi pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan itu;
- (e) tarikh akhir bagi penyerahan tuntutan bayaran; dan
- (f) apa-apa perkara lain yang difikirkan berkaitan oleh Suruhanjaya.

**Penggunaan sumbangan penyumbang utama**

36G. Jika mana-mana rancangan perkhidmatan sejagat yang telah diluluskan di bawah peraturan 36E tidak menggunakan sepenuhnya sumbangan sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 36B(1), apa-apa lebihan sumbangan

yang tidak digunakan hendaklah digunakan untuk pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan di bawah peraturan 8.

#### **Akaun berasingan bagi pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat**

36H. Suruhanjaya boleh menghendaki penyumbang utama untuk menyelenggarakan akaun yang berasingan bagi pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat.

#### **Tuntutan bagi pembayaran oleh penyumbang utama**

36I. (1) Pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan hendaklah mengemukakan tuntutan bertulis kepada Suruhanjaya bagi kos modal pemberian perkhidmatan sejagat dalam suatu sasaran perkhidmatan sejagat bagi pelaksanaan perkhidmatan sejagat.

(2) Tuntutan bagi pembayaran di bawah subperaturan (1) hendaklah menurut peruntukan dalam rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Jika tiada tuntutan dibuat pada atau sebelum tarikh akhir bagi menyerahkan tuntutan bayaran yang dinyatakan di dalam pemberitahuan di bawah subperaturan 36F(2), tiada pembayaran kena dibayar atau perlu dibayar kepada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan berkenaan pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan.

#### **Suruhanjaya hendaklah menentusahkan tuntutan bagi pembayaran**

36J. (1) Suruhanjaya hendaklah menentusahkan apa-apa tuntutan yang dibuat oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan sebelum bayaran dibuat daripada Kumpulan Wang PPS.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, bagi maksud menentusahkan tuntutan di bawah subperaturan (1), menghendaki pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen lanjut dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa maklumat atau dokumen lanjut lain yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan dalam menentusahkan sesuatu tuntutan itu.

(4) Jika apa-apa maklumat atau dokumen lanjut lain yang diperlukan di bawah subperaturan (2) tidak diberikan oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh menentusahkan tuntutan itu dan penentusahan yang dibuat oleh Suruhanjaya adalah muktamad.

### **Pembayaran tuntutan kepada penyumbang utama**

36K. (1) Pembayaran bagi kos modal yang dilakukan dalam melaksanakan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan dalam sasaran perkhidmatan sejagat mengikut peraturan 36E dalam sasaran perkhidmatan sejagat hendaklah dibuat berasaskan tuntutan yang telah ditentusahkan sewajarnya di bawah peraturan 36J tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh penentusahan diselesaikan oleh Suruhanjaya.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh mengikut budi bicara mutlaknya membuat pembayaran interim apa-apa amaun tuntutan semasa menunggu penentusahan tuntutan itu.

### **Tuntutan yang berlebih-lebihan**

36L. (1) Jika Suruhanjaya mendapati bahawa pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan telah menyatakan tuntutannya berlebih-lebihan berkenaan dengan kos yang dilakukan dalam pelaksanaan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan dalam sasaran perkhidmatan sejagat bagi sesuatu tahun kalendar, Suruhanjaya boleh, melalui pemberitahuan bertulis kepada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan itu —

- (a) menyatakan dapatan Suruhanjaya; dan
- (b) meminta pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan untuk menjelaskan secara bertulis lebih itu dalam tempoh masa yang dinyatakan.

(2) Jika penjelasan yang diminta di bawah perenggan (1)(b) tidak diberikan oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, Suruhanjaya boleh membuat keputusan terhadap tuntutan yang dibuat dan keputusan Suruhanjaya itu adalah muktamad.

(3) Suruhanjaya hendaklah, sebelum membuat keputusan di bawah subperaturan (2) menimbangkan yang berikut:

- (a) penjelasan yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan, jika ada;
- (b) sama ada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan bertindak dengan suci hati; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang difikirkan berkaitan oleh Suruhanjaya.

(4) Jika Suruhanjaya memutuskan bahawa pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan telah menyatakan tuntutannya secara berlebih-lebihan bagi satu tahun kalendar, Suruhanjaya berhak untuk membuat anggaran tuntutan pemberian perkhidmatan sejagat dinamakan bagi tahun kalendar itu dan anggaran Suruhanjaya itu adalah muktamad.

(5) Walau apa pun subperaturan (2) dan (4), pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan yang secara sengaja mengemukakan tuntutan yang berlebih-lebihan atau membuat tuntutan bagi kos yang tidak dilakukan dalam melaksanakan rancangan perkhidmatan sejagat yang diluluskan dalam sasaran perkhidmatan sejagat melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**Ketidakpakaian**

36M. Peraturan 12 dan Bahagian V tidak terpakai bagi Bahagian ini.”.

**Pindaan Jadual**

18. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Susunan A dengan Susunan yang berikut:

“SUSUNAN A

(Peraturan 19)

*PENGIRAAN KOS BERSIH PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT*

<i>Kos boleh elak</i>		<i>Ditolak hasil yang diketepikan</i>		<i>Kos bersih pemberian perkhidmatan sejagat</i>
(1)		(2)		(3)
<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
1. Kos tambahan tahunan bagi modal susut nilai bagi jangka hayat operasi kelengkapan peralatan berikut yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan di dalam sasaran perkhidmatan sejagat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensuisan</li> <li>• Capaian</li> <li>• Pengguna akhir</li> <li>• Penghubung</li> <li>• Infrastruktur awam</li> </ul>		1. Hasil tahunan yang diterbitkan daripada sasaran perkhidmatan sejagat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fi penyambungan</li> <li>• Sewa bagi talian ibu sawat</li> <li>• Kos panggilan (termasuk sambung dail Internet)</li> <li>• Kos sambungtara yang diterima daripada pemberi rangkaian dan/atau perkhidmatan rangkaian lain</li> </ul>		

<i>Kos boleh elak</i>		<i>Ditolak hasil yang diketepikan</i>		<i>Kos bersih pemberian perkhidmatan sejagat</i>
(1)		(2)		(3)
<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbelanjaan modal lain</li> <li>• Perbelanjaan modal kecilan</li> <li>• Perbelanjaan mewujudkan portal Internet dan/atau laman web untuk pusat-pusat yang menyediakan akses kolektif bagi perkhidmatan Internet</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil panggilan yang diterbitkan daripada panggilan yang ditamatkan dalam sasaran perkhidmatan sejagat</li> <li>• Perkhidmatan lain (perkhidmatan tambahan)</li> <li>• Hasil daripada pemberian capaian kolektif</li> </ul>		
<p>2. Ditambah kos operasi dan belanja penyelenggaraan tahunan yang dilakukan bagi memberikan perkhidmatan di dalam sasaran perkhidmatan sejagat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelenggaraan rangkaian dan perkhidmatan</li> <li>• Sewa infrastruktur awam</li> <li>• Pembayaran sambungtara kepada pemberi rangkaian kemudahan dan/atau pemberi perkhidmatan rangkaian lain</li> </ul>		<p>2. Ditambah hasil tahunan yang diterbitkan daripada sumber lain termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil daripada perkhidmatan kepada pemegang lesen lain dan pengguna (badan Kerajaan, dsb.)</li> <li>• Hasil daripada perkongsian bersama infrastruktur dengan pemegang lesen lain (tiang, tapak, bangunan, dsb.)</li> </ul>		

<i>Kos boleh elak</i>		<i>Ditolak hasil yang diketepikan</i>		<i>Kos bersih pemberian perkhidmatan sejagat</i>
<i>(1)</i>		<i>(2)</i>		<i>(3)</i>
<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran perkhidmatan kepada pemberi rangkaian kemudahan dan/atau pemberi perkhidmatan rangkaian</li> <li>• Fi spectrum</li> <li>• Perkhidmatan bantuan operator (panggilan operator, panggilan kecemasan, panggilan direktori)</li> <li>• Perkhidmatan pelanggan dan bil</li> <li>• Peruntukan hutang lapuk</li> <li>• Vandalisma dan fraud</li> <li>• Fi bagi audit tuntutan bayaran</li> <li>• Latihan kepenggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat</li> <li>• Kempen kesedaran, promosi dan pemasaran</li> </ul>				

<i>Kos boleh elak</i>		<i>Ditolak hasil yang diketepikan</i>		<i>Kos bersih pemberian perkhidmatan sejagat</i>
(1)		(2)		(3)
<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>Butiran</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelenggaraan dan pengurusan portal Internet dan/atau pusat-pusat yang menyediakan akses kolektif bagi perkhidmatan Internet</li> <li>• Perumah bagi portal internet</li> </ul>				

”; dan

(b) dengan memasukkan selepas Susunan A Susunan yang berikut:

“SUSUNAN AA

(Perenggan 19(2)(a))

*PENGIRAAN KOS BERSIH PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT*

<i>Kos boleh elak</i>	
<i>Butiran</i>	<i>RM</i>
1. Kos modal untuk peralatan dan perkhidmatan yang digunakan untuk memberikan perkhidmatan di sasaran perkhidmatan sejagat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensuisan</li> <li>• Capaian</li> <li>• Penghubung</li> <li>• Infrastruktur awam</li> <li>• Perbelanjaan modal lain</li> <li>• Perbelanjaan modal kecilan</li> </ul>	

”.

Dibuat 8 Julai 2008

[KTAK: BP(3)353/1/3; PN(PU<sup>2</sup>)601/VII]

DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR  
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

## COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA (UNIVERSAL SERVICE  
PROVISION) (AMENDMENT) REGULATIONS 2008

IN exercise of the powers conferred by section 16 and subsections 202(2) and 204(2) of the Communications and Multimedia Act 1998 [Act 588], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Communications and Multimedia (Universal Service Provision) (Amendment) Regulations 2008**.

(2) These Regulations come into operation on 1 August 2008.

**Amendment of regulation 2**

2. The Communications and Multimedia (Universal Service Provision) Regulations 2002 [*P.U. (A) 419/2002*], which are referred to as “the principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

- (a) in the definition of “gross revenue”, by substituting for the word “received” the word “receivable”;
- (b) in the definition of “national penetration rate”, by inserting after the word “national” the word “PSTN”;
- (c) in the definition of “area”, by inserting after the words “National Land Code 1965 [*Act 56/1965*]” the words “and includes a combination of districts or part of a district”;
- (d) by inserting after the definition of “gross revenue” the following definition:

‘ “national broadband penetration rate” means the percentage of the total number of broadband subscribers in Malaysia divided by the total population as projected based on the latest Malaysian Population and Housing Census conducted by the Statistics Department;’

- (e) by substituting for the definition of “underserved area” the following definition:

‘ “underserved area” means—

- (a) in relation to PSTN services, any area where the penetration rate for PSTN subscribers in Malaysia is twenty per cent below the national PSTN penetration rate or where the PSTN services are not sufficiently available as provided under regulation 3A;

- (b) in relation to broadband access services, any area where the penetration rate for broadband subscribers in Malaysia is below the national broadband penetration rate or where broadband access services are not sufficiently available as provided under regulation 3A; or
- (c) in relation to public cellular services, any area with a population density of eighty persons per square kilometre or less or where public cellular services are not sufficiently available as provided under regulation 3A;’;
- (f) in the definition of “net USP cost”, by substituting for the words “regulation 12” the words “regulations 12 and 20A”;
- (g) in the definition of “universal service provider”, by substituting for the words “regulation 9 or 10” the words “regulation 9, 10 or 36F”;
- (h) in the definition of “Internet access service”, by deleting the words “in conjunction with either a dial-up connection or a direct connection”;
- (i) by inserting after the definition of “Internet access service” the following definition:
  - ‘ “broadband access service” means Internet access delivery to the end user at a minimum speed as specified in paragraphs 5(2)(ba) and 36c(2)(c);’;
- (j) by substituting for the definition of “basic telephony service” the following definition:
  - ‘ “basic telephony service” means an applications service for the delivery of voice or voice and data communications, and does not include Internet;’; and
- (k) in the definition of “universal service plan”, by inserting after the words “regulation 6” the words “or 36c, as the case may be”.

### **Amendment of regulation 3**

3. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for paragraphs (a) and (b) the following paragraphs:
  - “(a) the installation of network facilities and the provision of network services; and
  - (b) the provision of applications services for—
    - (i) providing collective access to basic telephony service and Internet access service; and
    - (ii) providing individual access to basic telephony service and Internet access service.”; and

(b) by inserting after subregulation (2), the following subregulations:

“(3) The Commission may combine any number of underserved areas or parts of an underserved area for the provision of network facilities, network services or applications services to meet the universal service provision objectives.

(4) For the purposes of subregulation 3(3), underserved area means any area where in the opinion of the Commission network facilities, network services, applications services, network facilities and network services, are not sufficiently available.”.

### **New regulation 3A**

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 3 the following regulation:

#### **“Commission may decide**

3A. The Commission may decide whether or not PSTN services, broadband access services or public telephony cellular services are sufficiently available in an area based on any criteria as may be determined by the Commission.”.

### **Amendment of regulation 5**

5. Subregulation 5(2) of the principal Regulations is amended—

(a) by inserting after paragraph (b) the following new paragraph:

“(ba) where applicable, the minimum speed for the broadband access services as may be determined by the Commission;”;

(b) in paragraph (g), by deleting the word “and” at the end of the paragraph; and

(c) by inserting after paragraph (g) the following paragraph:

“(ga) the particulars of the criteria of eligibility that the licensees must fulfil before being allowed to register their interest to be designated universal service providers in the universal service targets; and”.

### **Amendment of regulation 6**

6. Subregulation 6(2) of the principal Regulations is amended—

(a) in paragraph (f) by substituting for the words “; and” the words “; if applicable; and”; and

(b) by inserting after paragraph (f) the following paragraph:

“(fa) the arrangement for the sharing of network facilities and network services with other licensees, if any; and”.

**Amendment of regulation 12**

7. Regulation 12 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Notwithstanding any payment made under subregulation (1), the designated universal service providers shall comply with regulation 20.”.

**Amendment of regulation 16**

8. Regulation 16 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (6)—

(i) in paragraph (a), by deleting the word “and” at the end of the paragraph; and

(ii) by inserting after paragraph (a) the following paragraph:

“(aa) the designated universal service provider shall not remove any infrastructure and installations in the universal service target unless otherwise notified by the Commission under subregulation 7A; and”;

(b) by inserting after subregulation (7) the following subregulations:

“(7A) The designated universal service provider revoked under subregulation (1) shall, in accordance with a written notification issued by the Commission, remove the infrastructure and installations from the universal service target or deliver the infrastructure and installations in the universal service target to another designated universal service provider, as the case may be.

(7B) Any designated universal service provider who fails to comply with paragraphs 6(a) and 6(aa) and subregulation (7A) commits an offence under these Regulations.”; and

(c) by substituting for subregulation (8), the following subregulation:

“(8) The designated universal service provider revoked under subregulation (1), shall not be paid any cost and expenses incurred as set out in the approved universal service plan unless the designated universal service provider has reimbursed the Commission—

(a) overpaid monies under regulation 21A;

(b) any payments due under paragraph 6(b);

(c) all costs incurred in restoring services in the universal service target; and

(d) any other costs duly incurred by the Commission.”.

**Amendment of regulation 19**

9. Regulation 19 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (2), by substituting for the words “advance payment made pursuant to regulation 12” the words “payment made pursuant to regulations 12 and 20A”;

(b) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(2A) Where the Commission specifies in the invitation under subregulation 5(2) that only network facilities and network services shall be provided, the payment shall be computed as avoidable cost as specified in Table AA of the Schedule less any payment made under regulation 12.”; and

(c) by substituting for subregulation (6) with the following subregulation:

“(6) A universal service target shall be removed from the list of universal service targets when—

(a) there is no net USP cost to be claimed for that universal service target by a designated universal service provider for three consecutive years; or

(b) the area is no longer an underserved area as defined in regulation 2.”.

**Amendment of regulation 20**

10. Regulation 20 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the word “The” the words “Notwithstanding any payments made under regulation 12 or 20A, the”;

(b) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) Any universal service provider who fails to comply with subregulation (1) commits an offence under these Regulations.”.

**New regulation 20A**

11. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 20 the following regulation:

**“Payment of capital costs or operating and maintenance expenses**

20A. (1) The Commission may make quarterly payments to the designated universal service provider for capital costs or the operating and maintenance expenses of the universal service provision provided that the designated universal service provider submits its written application for—

(a) the first quarter ending on 31 March on or before 30 April of the same calendar year;

- (b) the second quarter ending on 30 June on or before 31 July of the same calendar year;
- (c) the third quarter ending on 30 September on or before 31 October of the same calendar year; or
- (d) the fourth quarter ending on 31 December on or before 31 January of the subsequent calendar year.

(2) Notwithstanding any application or payment made under subregulation (1), a designated universal service provider shall comply with regulation 20.”.

#### **New regulation 21A**

12. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 21 the following regulation:

##### **“Obligation to refund**

21A. (1) The Commission may issue a written notice to any designated universal service provider who has received any payment under regulation 12 or 20A, or both, which amount exceeds the cost incurred in implementing the approved universal service plan in a universal service target for a calendar year to refund to the Commission the monies paid in excess on or before any date specified in such notice.

(2) A designated universal service provider who fails to comply with the written notice issued by the Commission under subregulation (1) commits an offence under these Regulations.”.

#### **Amendment of subregulation 24(1)**

13. Subregulation 24(1), of the principal Regulations is amended—

- (a) by deleting the word “advance”; and
- (b) by substituting for the words “regulation 12”, the words “regulations 12 and 20A”.

#### **Amendment of regulation 25**

14. Regulation 25 of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (a), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;

- (b) in paragraph (b), by substituting for the full-stop at the end of the paragraph the words “; and”; and
- (c) by inserting after paragraph (b) the following paragraph:
  - “(c) refund of monies paid in excess received under regulation 21A.”.

#### **Amendment of regulation 26**

